

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 37

TARIKH : 17 JULAI 2023

HARI : ISNIN

SENTIMEN : POSITIF

## Asnaf tadika terima sumbangan akaun SSPN Prime

SERAMAI 138 murid asnaf Tadika Islam Pulau Pinang bertuah kerana dipilih menerima sumbangan dalam bentuk akaun Simpan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) Prime bernilai RM100 setiap seorang oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) di Permatang Tok Gelam, Butterworth, Pulau Pinang, baru-baru ini.

Jurucakap PTPTN Pulau Pinang berkata, sumbangan itu diharap dapat memberi galakan dan motivasi kepada ibu bapa untuk menabung bagi tujuan pendidikan tinggi anak-anak selain menyebarkan manfaat skim akaun simpanan berkenaan.

Pada masa yang sama, melalui kerjasama antara PTPTN dan

Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JAINPP), satu promosi penabungan Simpan SSPN diadakan di 16 Tadika Islam seluruh Pulau Pinang mulai Mei lalu hingga Julai tahun ini.

Majlis penyerahan sumbangan disempurnakan perasmianya oleh Pengurus Besar Kanan PTPTN, Mohd. Rusdi Ismail. Yang hadir sama Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan JAINPP, Mohd. Arif Abdul Samat serta Pengarah Negeri PTPTN Pulau Pinang, Muhammad Muhsin Abdul Rahman.

SEBAHAGIAN daripada 138 murid asnaf Tadika Islam Pulau Pinang menerima sumbangan akaun SSPN Prime bernilai RM100 setiap seorang, baru-baru ini.

